

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	11/5/2019	MUKA SURAT : 14
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

Sebanyak 69 peratus kawasan terjejas telah pulih secara berperingkat sejak Rabu

## Bekalan air pulih sepenuhnya esok

**SAH ALAM** – Gangguan bekalan air memabitkan kira-kira 160,000 akaun atau hampir 800,000 pengguna di Klang dijangka pulih sepenuhnya esok.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, berdasarkan bantuan pemantauan dan bacaan nombor telefon di sistem agihan semalam mendapati sebahagian besar

daripada 65 kawasan yang terjejas telah pulih.

“Kami mendapati bekalan air memabitkan 69 peratus di kawasan iu sudah pulih bermula sejak Rabu lalu.

“Pihak kami sedang berusaha untuk memulihkan baki 31 peratus kawasan selewat-lewatnya Ahad ini,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, bantuan lori-lori tangki akan diturunkan di kawasan-kawasan yang belum pulih dengan empat pusat khidmat setempat iaitu Bandar



ABDUL RAOF

Penduduk Klang putus bekalan sejak Ahad lalu

### Sengsara Ramadan tanpa air

KUALA SELANGOR, 11 Mei (The Star) – Penduduk di kawasan terjejas akibat gangguan bekalan air di Klang, Selangor, terpaksa berpuasa tanpa air sepanjang Ramadan ini. Mereka terpaksa membeli air di kedai-kedai berhampiran untuk meminum dan membasuh muka.



KERATAN Kosmo/ semalam.

Sultan Suleiman, Bandar Parkland, Taman Sri Andalas dan Batu Belah masih beroperasi sehingga kini.

Abdul Raof menjelaskan, kerja-kerja pembaikan paip utama berjaya disiapkan pukul 6 petang Selasa lalu selepas dilaporkan pecah pada 4 Mei lalu. Ujarnya, berlaku kebocoran



pada jajaran paip utama berkenaan seterusnya menyebabkan penutupan semula bekalan pada sistem utama terpaksa dilakukannya.

“Selain itu, berlaku beberapa insiden pergerakan tanah sepanjang tempoh kerja pembaikan yang turut menyumbang kepada kelewatan kerja.

“Tindakan alternatif dilaksanakan bagi penyaluran bekalan air melalui sistem agihan yang lain dari sumber air terawat yang sama iaitu dari Kolam Lam Bee ke Kolam Lipat Kajang dan Kolam Bukit Rajah Industri.

“Kita menjangkakan gangguan bekalan air pulih secara berperingkat keseluruhannya pada pukul 3 petang semalam, namun sasaran itu tidak tercapai,” katanya.

Jelas beliau, Air Selangor memohon maaf segala kesulitan yang dialami oleh semua pelanggan yang terjejas akibat gangguan bekalan air tersebut.